

18/09/2003

Tiga aspek capai matlamat negara industri

Datuk Salleh Majid

BAJET 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat, Jumaat lalu, selain ingin mengurangkan defisit kepada 3.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar, mempunyai mesej jelas kepada sektor swasta khususnya dan rakyat amnya. Mesej itu ialah kita harus menjadi negara perdagangan sepenuhnya dan mampu berdikari dalam menghadapi cabaran era globalisasi.

Kepesatan perubahan berlaku dalam pelbagai bidang, termasuk politik dunia menjadikan keadaan tidak menentu. Dunia boleh terhumban dalam suasana ketidaktentuan ini atas tindakan penganas, kerajaan yang gilakan kuasa dan penyakit berjangkit.

Kesan buruk daripada semua ini ialah keadaan ekonomi dunia yang malap. Begitu cepat sesuatu boleh berubah seolah-olah perancangan jangka panjang tidak lagi berguna. Perancangan yang dilakukan memerlukan dua tiga senario kontingensi untuk mengatasi sebarang kemungkinan sesuatu krisis akan berlaku.

Kemunculan China sebagai kuasa ekonomi yang besar sudah menjadi kenyataan dan pelabur asing berduyun-duyun ke sana ingin mengambil kesempatan kos pengeluaran yang lebih rendah. Tumpuan yang diberikan kepada China mendatangkan kesan kepada negara lain yang selama ini berjaya memikat pelabur asing termasuk negara kita.

Kita tidak lagi boleh bergantung kepada pelabur asing seperti dulu. Sektor swasta kita perlu mempergiatkan pelaburan dalam negara sendiri. Inilah salah satu tunjang Bajet 2004 - sektor swasta menjadi penjana utama pertumbuhan ekonomi.

Galakan kepada industri kecil dan sederhana diberikan dengan kenaikan tahap pendapatan yang dikenakan cukai daripada RM100,000 kepada RM500,000. Dengan tahap yang lebih tinggi itu, jumlah yang boleh dilaburkan semula akan meningkat. Inilah satu perakuan bahawa syarikat kecil dan sederhana memainkan peranan penting untuk kemajuan masa depan negara. Bilangan syarikat kecil dan sederhana jauh lebih banyak daripada syarikat besar. Peningkatan kecil dalam pengeluaran syarikat kecil mendatangkan kesan besar keseluruhannya.

Untuk menjadi negara perdagangan keseluruhannya memerlukan kita mengeluarkan barangan sendiri dan dieksport ke merata dunia. Banyak lagi penyelidikan dan pembangunan perlu dilakukan bukan saja untuk menemui produk baru yang mempunyai pasaran, malah menambah nilai tambah daripada yang sedia ada.

Kelapa sawit, misalnya, mampu dijadikan vitamin E dan sebagai bahan bakar menggantikan petrol. Bioteknologi menjanjikan pelbagai kemungkinan bukan saja dalam satu bidang seperti pertanian, malah pengilangan, ubat-ubatan, pemprosesan dan pelbagai lagi.

Lembah bio yang ditubuhkan bakal menjana banyak penemuan. Kedudukan Malaysia sebagai negara perdagangan wajar diukur dengan negara lain dalam kategori yang sama. Sekian lama banyak hasil eksport kita keluar melalui pelabuhan orang. Kini semua pelabuhan mampu mengendalikan eksport kita. Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Klang bertaraf dunia.

Seperkara lagi ialah barangan yang kita import wajar dikeluarkan di negara sendiri sama ada melalui usaha sama atau operasi sendiri. Misalnya, banyak peralatan kegunaan harian dalam bidang kesihatan yang patut dihasilkan oleh usahawan tempatan seperti peralatan mencuci darah untuk pesakit buah pinggang, peralatan untuk doktor gigi dan peralatan rawatan mata.

Mengenai barangan import, kita tidak boleh lepas daripada barang makanan. Nilai import makanan dalam lingkungan RM11 bilion. Ada barang makanan yang diimport daripada barang yang boleh dihasilkan sendiri

seperti bawang, ubi kentang, ulam-ulam, cili dan rempah ratus.

Wawasan kita menjadi negara perindustrian sepenuhnya memerlukan penelitian kepada beberapa aspek pengeluaran. Pertama, mutu pengeluaran. Memang wajar kalau dunia menjadi pasaran kita, hasil keluaran kita setanding dengan yang terbaik seperti cip yang bernilai AS\$300 (RM1,400) mampu dikeluarkan oleh China dengan harga AS\$30 (RM140) tanpa perbezaan mutu. Di sini, kita tidak merujuk kepada pengeluaran syarikat asing yang mempunyai kilang tempatan setiap hasil keluaran orang tempatan.

Kedua mengenal pasti pasaran antarabangsa yang memerlukan hasil pengeluaran kita. Kemungkinan bahan yang diperlukan lebih tinggi harganya di negara luar memberikan kesempatan kepada pengeluar tempatan untuk mengeluarkan produk yang sama dengan kos pengeluaran yang sama. Perabot dan barang mainan adalah contoh yang mewajarkan pengeluaran tempatan.

Ketiga, kesanggupan untuk memperuntukkan jumlah yang besar untuk kerja penyelidikan. Negara maju berbelanja lebih daripada 25 peratus daripada jumlah jualan mereka untuk penyelidikan. Di sini kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dapat mendatangkan hasil yang baik. Misalnya, dalam bidang pemakanan dan ubat-ubatan. Jangan sampai orang Jepun beritahu kita yang tempe kita mempunyai banyak khasiat!

Dalam perkhidmatan, prestasi kita juga boleh dibanggakan. Contohnya, bidang pendidikan, sambutan daripada orang asing terbukti di institusi pengajian tinggi kita. Dalam bidang binaan, banyak syarikat yang menjalankan kerja di luar negara. Bagaimanapun, dalam bidang insurans, penghantaran, perkapalan, pengedaran telekomunikasi serta teknologi maklumat dan komunikasi ruang untuk berkembang masih luas.

Di pasaran modal syarikat broker, kita belum melakukan urusan niaga besar-besaran. Penganalisan pasaran kita masih kurang dan orang luar kerap dijadikan rujukan. Apabila ada keperluan menjual alat kewangan seperti bon, kita terpaksa senaraikan di Luxembourg dan bukan, Labuan. Pasaran derivatif kita masih dihantui krisis kewangan 1997 dan menghadkan penawaran alat mengurangkan risiko. Bank kita dikatakan tidak merebut peluang daripada penggabungan yang berlaku tidak lama dulu untuk mengukuhkan kedudukan masing-masing.

Kunci kepada kemajuan kita pada masa depan ialah sumber manusia yang terdidik. Kelemahan dalam Matematik dan Sains serta bahasa Inggeris akan membantutkan hasrat kita dan sistem pendidikan kita perlu dirombak supaya menjadi lebih seronok dan bermanfaat.